



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(Human Resources Development Berhad)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

6 Mac 2003

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 2/2003
PROSEDUR BARU UNTUK MENYEMAK DAN MERIZABKAN LEVI DI BAWAH SKIM PERLA

1. TUJUAN

Tujuan pekeliling ini adalah untuk memberi penerangan kepada penyedia latihan yang berdaftar di bawah Kelas A dan B berkenaan prosedur menghantar permohonan pendaftaran dan pembaharuan program latihan di bawah Skim PROLUS, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pihak PSMB mendapati ramai penyedia latihan telah membuat semakan dan merizabkan levi bagi program latihan di bawah Skim PERLA tanpa mendapat persetujuan daripada majikan yang terlibat dahulu. Amalan ini perlu dihentikan kerana telah mewujudkan masalah kepada pihak majikan. Tindakan ini juga telah mengakibatkan banyak levi dirizabkan dan majikan tidak mendapat kelulusan untuk menghantar pekerja mereka menjalani latihan di bawah skim-skim lain terutamanya Skim SBL dan SBL-Khas. Keadaan ini bertambah buruk lagi apabila program latihan yang telah dirizabkan levinya dibatalkan dan tidak dimaklumkan semual kepada PSMB.
- 2.2 Bagi mengatasi masalah ini, PSMB telah mengeluarkan borang baru iaitu borang [PSMB/PER/1/03](#) (borang Permohonan Menyemak dan Merizabkan Levi Majikan untuk Pembayaran Yuran Di Bawah Skim PERLA) bagi menggantikan borang PSMB/PER/1/01 (borang Senarai Semakan Kedudukan Levi Di Bawah Skim PERLA). Contoh borang ini adalah seperti di Lampiran A.
- 2.3 Pelaksanaan borang baru ini bertujuan bagi memastikan penyedia latihan mendapatkan persetujuan majikan terlebih dahulu sebelum boleh memohon PSMB membuat semakan dan merizabkan levi di bawah Skim PERLA. Ianya juga bertujuan untuk mengelakkan penyedia latihan memohon penyemakan dan merizabkan levi majikan dengan sewenang-wenangnya.

3. PROSEDUR BARU

- 3.1 Mulai 15 Mac 2003, majikan perlu bersetuju terlebih dahulu untuk merizabkan levi mereka bagi tujuan pembayaran yuran latihan sebelum penyedia latihan boleh mengemukakan permohonan semakan dan merizabkan levi kepada PSMB. Setiap persetujuan majikan ini juga perlu ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab ke atas latihan dan tidak oleh sebarang pegawai.
- 3.2 Walaupun borang [PSMB/PER/1/03](#) ini hanya mempunyai tiga ruangan sahaja untuk pengesahan majikan tetapi ini tidak menghadkan penyedia latihan untuk mengemukakan pengesahan lebih dari satu borang permohonan bagi satu program latihan yang sama.
- 3.3 Peraturan sedia ada mengenai penghantaran borang permohonan menyemak dan merizabkan levi ini adalah sama seperti yang diamalkan sekarang iaitu ianya hendaklah difakskan kepada PSMB sekurang-kurangnya satu minggu

sebelum latihan bermula. Penyedia latihan juga tidak dibenarkan membuat permohonan menyemak dan merizabkan levi terlalu awal melebihi dua bulan sebelum tarikh latihan dijalankan bagi mengelakkan tindakan merizabkan levi dibatalkan apabila latihan tidak dijalankan.

4. **PENUTUP**

4.1 Penyedia latihan adalah diminta mengambil maklum bahawa peratutan-peraturan lain mengenai Skim PERLA masih lagi terpakai terutamanya mengenai tajuk dan tempoh kursus. Sebarang pindaan kepada tajuk dan tempoh kursus adalah dilarang sama sekali dan boleh mengakibatkan tuntutan geran latihan tidak diluluskan.

4.2 Penyedia latihan adalah juga bertanggungjawab untuk memaklumkan secara bertulis kepada PSMB mengenai program latihan yang dibatalkan bagi membolehkan PSMB mengambil tindakan untuk membatalkan levi yang telah dirizabkan.

4.3 Untuk mendapatkan keterangan lanjut, pegawai PSMB yang boleh dihubungi adalah:-

(i) Noor Hayati binti Awang
(nombor telefon : 03-20984864) dan;

(ii) Wan Azmir bin Wan Hashim
(nombor telefon : 03-20984886)

Sekian, terima kasih

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"

"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"

Yang ikhlas,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)

Pengarah Kewangan
b.p Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

